Perkembangan Monetari dan Kewangan

SOROTAN PENTING

- **Ringgit terus kukuh pada suku ketiga.**
- **Kadar hasil bon terus stabil, disokong oleh permintaan daripada pelabur institusi domestik dan aliran masuk bukan pemastautin.**
- **Kadar pinjaman kekal stabil dan menyokong pembiayaan sektor swasta.**

Ringgit terus menambah nilai pada suku ketiga 2017

Selepas mencatat prestasi terbaik di rantau ini pada suku kedua 2017, ringgit terus menambah nilai berbanding dengan dolar AS dan kebanyakan mata wang serantau pada suku ketiga. Prestasi ringgit disokong sebahagian besarnya oleh aliran masuk perdagangan dan portfolio bukan pemastautin. Prospek ekonomi Malaysia yang positif didorong oleh pertumbuhan KDNK suku kedua yang lebih baik daripada jangkaan dan prestasi eksport yang kukuh, yang menyebabkan peningkatan minat pelabur dalam aset kewangan domestik. Melangkah ke hadapan, ringgit akan terus didorong oleh gabungan faktor luaran dan dalam negeri. Ini termasuk penentuan masa (timing) dan kadar pengembalian dasar monetari ke paras yang wajar oleh bank-bank pusat utama, perkembangan geopolitik dunia, dan prestasi ekonomi dalam negeri.

Prestasi mata wang serantau bercampur-campur berbanding dolar AS

Rajah 20: Ringkasan Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding dengan Dolar AS pada S3 2017



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan monetari dan kewangan domestik terus menyokong aktiviti ekonomi

Keadaan monetari dan kewangan domestik terus menyokong aktiviti ekonomi pada suku ketiga. Kadar hasil bon kekal stabil dalam keadaan sokongan berterusan daripada pelabur institusi domestik. Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan, manakala kos pembiayaan runcit yang stabil terus menyokong pembiayaan sektor swasta.

Kadar hasil bon mengalami pergerakan kecil semasa suku ketiga

Rajah 21: Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pasaran ekuiti domestik menurun semasa suku ketiga

Rajah 22: Indeks Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg

Kadar hasil bon terus stabil, disokong oleh permintaan daripada pelabur institusi domestik dan aliran masuk bukan pemastautin

Kadar hasil bon stabil pada suku ketiga. Sentimen pelabur sedikit sebanyak terjejas pada awal suku itu oleh faktor luar negeri seperti perkembangan geopolitik global dan ketidakpastian tentang pengaturan masa kenaikan kadar dasar selanjutnya di AS. Walau bagaimanapun, pasaran bon dan khususnya, kadar hasil MGS, disokong oleh permintaan yang kukuh daripada pelabur institusi domestik berikutan pertumbuhan KDNK suku kedua yang lebih baik daripada jangkaan dan aliran masuk semula bukan pemastautin sejak bulan Ogos. Hal ini menyebabkan pergerakan kecil pada kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing sebanyak 3, -4 dan 0 mata asas.

Walau bagaimanapun, pasaran ekuiti domestik menurun di tengah-tengah aliran keluar bukan pemastautin

Pada suku ketiga, FBM KLCI menurun 0.5% untuk ditutup pada 1,755.6 mata pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2017: 1,763.7 mata). Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh aktiviti penjualan bersih oleh pelabur asing terutamanya pada akhir suku ini, dalam persekitaran mudah tunai yang lebih rendah dalam pasaran ekuiti domestik. Hal ini kerana sentimen pelabur yang berhati-hati, didorong oleh faktor luaran termasuk kebimbangan geopolitik yang meningkat dan ketidakpastian yang menyelubungi perkembangan dasar monetari dan politik di AS.

Kadar faedah kekal stabil pada suku ketiga

Kos peminjaman borong dan runcit nominal secara amnya stabil pada suku ketiga. KLIBOR 3 bulan tidak berubah pada 3.43%. Dalam pasaran runcit, kadar asas (base rate, BR) purata berwajaran meningkat sedikit pada 3.63% (S2 2017: 3.61%) berikutan kenaikan kadar BR oleh lima buah bank. Susulan itu, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul meningkat sedikit kepada 5.22% menjelang akhir suku ketiga 2017 (S2 2017: 5.20%).

Kadar benar deposit tetap (fixed deposit, FD) kekal negatif pada suku itu. Khususnya, kadar benar FD 12 bulan menyusut kepada -1.20% pada bulan September (Jun 2017: -0.50%) berikutan inflasi keseluruhan yang secara relatif lebih tinggi pada bulan berkenaan.

Keadaan mudah tunai kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan

Dalam sistem perbankan, keadaan mudah tunai kekal mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan dengan BNM meningkat pada suku tersebut disebabkan oleh aliran masuk bersih yang lebih tinggi. Keadaan ini turut menyebabkan operasi suntikan mudah tunai berkurang. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan kedudukan lebihan mudah tunai.

Kadar benar deposit kekal negatif semasa suku ketiga

Rajah 23: Kadar Benar FD (mengikut kematangan), pada akhir tempoh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah tunai terkumpul di BNM meningkat semasa suku ketiga

Rajah 24: Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan tahunan pembiayaan bersih yang lebih perlahan didorong oleh pertumbuhan yang lebih rendah dalam pinjaman terkumpul dan bon korporat

Rajah 25: Sumbangan kepada Pertumbuhan* Tahunan



* Pembiayaan bersih termasuk pinjaman terkumpul sistem perbankan dan IKP dan pinjaman terkumpul bon korporat

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan bersih menurun pada suku ketiga

Pertumbuhan pembiayaan bersih menurun kepada 6.4% pada suku ketiga (S2 2017: 7.0%) disebabkan oleh pertumbuhan pinjaman terkumpul[2] (S3 2017: 5.0%; S2 2017: 5.6%) dan bon korporat (S3 2017: 10.9%; S2 2017: 11.8%) yang lebih rendah. Pertumbuhan pinjaman yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan pinjaman terkumpul kepada perniagaan selain PKS yang lebih perlahan (S3 2017: 4.0%; S2 2017: 6.3%). Ini sebahagiannya mencerminkan pembayaran balik yang lebih tinggi oleh beberapa syarikat besar (S3 2017: RM115.3 bilion; S2 2017: RM112.9 bilion). Walau bagaimanapun, pertumbuhan pinjaman kepada PKS stabil pada 7.0% (S2 2017: 7.0%), dengan paras pinjaman yang dikeluarkan lebih tinggi pada suku itu (S3 2017: RM76.8 bilion; S2 2017: RM69.3 bilion). Pinjaman isi rumah meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu pada 4.9% pada suku ketiga (S2 2017: 5.1%), mencerminkan terutamanya jumlah pinjaman yang menurun untuk *kenderaan penumpang; pembiayaan peribadi;* dan *pembelian harta tanah bukan kediaman.*

[2] Pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (development financial institutions, DFI)